



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (10 OKTOBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **sembilan (9) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 751 kes**.

#### **A. Kes COVID-19 Baharu Yang diKesan.**

Hari ini, daripada sembilan kes yang dilaporkan, terdapat empat (4) kes saringan kedua mereka yang pulang dari kawasan berisiko tinggi (Import B), empat (4) kes saringan kontak rapat kepada kes yang telah disahkan positif COVID-19 dan satu (1) kes melibatkan saringan sebelum masuk kerja. Seramai lima (5) kes telah dikesan di daerah Kuching dan empat (4) kes di daerah Bintulu. Perincian kes-kes ini mengikut mengikut daerah adalah seperti berikut:

##### **i) Daerah Kuching (5 kes)**

Seramai lima (5) kes baharu telah dikesan positif COVID-19 di Daerah Kuching.

**a) Kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 (Sabah) – 4 kes**

- Empat kes ini merupakan anggota keselamatan yang baru balik setelah diarahkan untuk bertugas di Sabah semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah. Kes bersama anggota pasukan yang lain telah bertolak pada pagi 25 September 2020 dan balik ke Sarawak menggunakan penerbangan khas melalui Lapangan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM), Kuching pada 28 September 2020.
- Setibanya di Kuching, mereka telah diletakkan dibawah arahan kuarantin 14 hari di PULAPOL. Kesemua kes ini juga telah menjalani ujian saringan pertama pada 29 September 2020 dan ujian adalah negatif.
- Saringan ulangan hari ke-10 telah dilakukan pada 8 Oktober 2020 dan ujian rT-PCR empat-empat kes ini telah positif COVID-19 pada 10 Oktober 2020.
- Kesemua kes ini tidak menunjukkan tanda dan gejala dan mereka telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk lawatan lanjut.

**b) Kes Saringan sebelum masuk kerja (1 kes).**

- Satu kes melibatkan seorang lelaki warganegara Indonesia yang telah membuat saringan kesihatan dan saringan COVID-19 sebelum masuk kerja di sebuah hospital swasta di Kuching.
- Swab ujian rT-PCR telah diambil pada 9 Oktober 2020 dan keputusan ujian didapati positif pada hari yang sama. Kes juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan awal COVID-19. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.
- Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesahan kontak kepada kes ini sedang dijalankan. Sehingga selesai siasatan, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan kerana tiada rekod kemasukkan kes ini ke Sarawak.

**ii) Daerah Bintulu (4 kes)**

Pada hari ini seramai empat (4) kes baharu COVID-19 telah dikesan di Daerah Bintulu.

**a. Kes saringan kontak kepada kes positif COVID-19 (4 kes)**

- Kesemua empat (4) orang kes ini merupakan kontak rapat kepada kes Ke-733 yang telah dikesan hasil pengesahan kes secara aktif terhadap semua kontak kepada kes indeks ini. Kesemua mereka ini telah disaring pada 9 Oktober 2020 dan keputusan ujian rT-PCR mereka didapati positif pada 9 Oktober 2020, hari yang sama.

- Satu (1) kes merupakan seorang kerani sebuah syarikat insuran yang mempunyai kontak rapat dengan kes Ke-733 semasa bertugas. Kes ini mula menunjukkan tanda dan gejala jangkitan awal COVID-19 mulai 5 Oktober 2020.
- Dua orang kes lagi adalah anak kepada Kes Ke-733 yang masih bersekolah dan seorang lagi masih menuntut di sebuah universiti awam tempatan. Kedua-dua kes ini adalah kontak serumah kepada kes Ke-733. Seorang daripada mereka telah mula mengalami demam pada 8 Oktober 2020, manakala seorang lagi tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan awal COVID-19.
- Satu (1) kes adalah cucu saudara kepada kes Ke-733 yang mempunyai kontak semasa melawat rumah kes Ke-733 pada 1 Oktober 2020. Kes tidak menunjukkan tanda dan gejala awal jangkitan COVID-19.
- Kesemua kes ini telah dimasukkan ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut. Pengesahan kontak kepada kes-kes ini masih giat dijalankan.

## **B. Kluster COVID-19 baharu (1 kluster)**

Hari ini, satu (1) kluster baharu telah dikesan selepas pengesanan kontak rapat secara aktif telah dijalankan kepada kes yang telah disahkan positif COVID-19. Kes baharu ini ialah **Kluster Taman Putrajaya** yang dikesan di Daerah Bintulu. Kes indeks kepada kluster ini adalah kes Ke-733 yang telah disahkan positif COVID-19 pada 8 Oktober 2020 setelah membuat saringan di Hospital Bintulu kerana mengalami tanda dan gejala COVID-19 sejak 01 Oktober 2020.

Indek kes juga mempunyai sejarah perjalanan ke Negeri Perak dan Kuala Lumpur pada 24 hingga 27 September yang lalu. Pengesanan kontak secara aktif telah dijalankan sebaik sahaja kes indek disahkan telah dijangkiti COVID-19. Setakat jam 12:00 tengah hari 10 Oktober 2020 seramai 56 kontak telah disaring. Daripada jumlah tersebut, empat (4) orang kontak rapat telah didapati positif COVID-19, dua (2) orang telah negatif saringan pertama dan 50 orang lagi masih menunggu keputusan ujian saringan COVID-19. Ini menjadikan jumlah kes di dalam Kluster Taman Putrajaya ialah seramai lima (5) orang termasuk kes indeks

### **C. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Hari ini, terdapat dua (2) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

- Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching. Kluster ini kekal melaporkan empat (4) kes positif COVID-19.
- Kluster Taman Putrajaya di Daerah Bintulu. Kluster baharu yang diisyiharkan pada hari ini yang setakat hari ini 10 Oktober 2020 telah merekodkan seramai lima (5) kes positif COVID-19.

### **D. Status Kes COVID-19 di dalam wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa **satu (1)** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kes baharu ini telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah adalah seramai **685** orang atau **91.21%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital juga telah meningkat seramai sembilan (9) orang menjadikan jumlah keseluruhan ialah seramai **47** orang iaitu 28 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, lapan (8) kes di Hospital Miri, tujuh (7) kes Hospital Bintulu dan empat (4) orang di Hospital Sibu.

**Tiada** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.53%**.

Hari ini **23 PUI** baru telah dilaporkan dan **tiga (3)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, Daerah Kuching, Sibu, Bintulu, Lawas dan Lubok Antu kekal berstatus Kuning dengan seramai sebelas (11) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Manakala, hari ini Daerah Bintulu mencatatkan penambahan empat (4) kes dan di Daerah Kuching terdapat satu (1) penambahan kes jangkitan tempatan yang dillaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Sibu kekal dengan dua (2) kes, Lubok Antu kekal dengan satu (1) kes dan di Daerah Lawas terdapat pengurangan satu (1) kes menjadikan masih terdapat dua (2) kes dilaporkan di Daerah Lawas dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah kekal lima (5) buah daerah dan 35 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan beberapa keputusan telah dibuat seperti berikut:

### **A. Perhimpunan Orang Ramai**

Bagi majlis sosial dan rasmi yang membabitkan perhimpunan orang ramai, dibenarkan 50 peratus mengikut saiz ruang dan penjarakan fizikal.

***(Contohnya, jika kapasiti sesebuah dewan boleh memuatkan 1,000 orang dalam satu-satu masa, kita benarkan 50 peratus bagi kapasiti dewan berkenaan)***

JPBN menegaskan kepada pihak pengajur supaya memastikan *hand sanitizer* disediakan, penjarakan fizikal diamalkan dan semua yang hadir diwajibkan untuk memakai topeng pelitup muka.

## **3. PENGUATKUASAAN PEMAKAIAN TOPENG MUKA**

Pihak PDRM akan terus memperketatkan pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Sekiranya sesiapa yang didapati tidak memakai topeng muka di tempat awam, mereka akan terus ditangkap dan dikeluarkan kompaun.

#### **4. UJIAN SARINGAN PELAJAR UNIMAS YANG TIBA DARI SABAH / LABUAN / SEMENANJUNG MALAYSIA (18 SEPTEMBER HINGGA 3 OKTOBER 2020)**

Sehingga hari ini, seramai 13,205 pelajar UNIMAS telah mendaftar untuk Semester 1, Sesi 2020/2021 (kemasukan Oktober 2020). Daripada jumlah tersebut, seramai 1,789 pelajar telah berada di kampus (1,771 pelajar tempatan dan 18 pelajar antarabangsa). Seramai 804 orang pelajar adalah dari Semenanjung dan 128 pelajar dari Sabah dan Labuan.

Daripada 1,789 orang pelajar yang telah berada di dalam kampus, seramai 123 orang pelajar telah diambil ujian rt-PCR ke atas pelajar dari Sabah, Labuan dan Semenanjung Malaysia yang hadir di kampus mulai 18 September hingga 3 Oktober 2020. Semua keputusan mereka adalah negatif.

#### **5. LAPORAN NOTIS AMARAN / KOMPAUN / SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan **32 notis** kompaun telah dikeluarkan di Kuching (27), Miri (4) dan Sarikei (1) kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **104 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan SMC (25), BDA (18), DBKU (17), MD Marudi (16), MD Serian (15) MBKS (11), MPKS (1) dan MD Sarikei (1).

## **6. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini sebanyak **1,377 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (197), Restoran (263), Kilang (21), Bank (84), Pejabat Kerajaan (29), Penjaja (78), Pasar Tani/Awam (72), Tempat Ibadah (58), Tempat Riadah (31), Tapak Pembinaan (13) dan lain-lain (531).

Seramai **532 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (242), ATM (36), RELA (116), APM (92), PBT (41) dan lain-lain agensi (5).

## **7. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,215** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
10 OKTOBER 2020  
5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	742	Kes sedang dirawat di hospital	47	6.26%
Kes Baharu	9	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	122,947	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	751	Jumlah kes kematian	19	2.53%
IR per 100,000 penduduk	22.66	Kes telah sembuh dan discaj	685	91.21%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Patient Under Investigation (PUI)	Baru	Kumulatif
Negatif	14		23	9,834
Menunggu keputusan	2			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		28	4	7	8	0	47
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )		0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	1	0	0	0	0	1
	Kumulatif	577	35	39	32	2	685
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )		9	8	2	0	0	19

DAERAH KUNING (5)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lubok Antu	0	24	0	3	0	0	0	0	3	3	1
2	Kuching	9	6502	5	453	1	419	0	12	23	24	4
3	Bintulu	9	307	4	46	0	39	0	0	7	7	5
4	Sibu	1	115	0	15	0	11	0	0	4	4	2
5	Lawas	0	20	0	4	0	1	0	0	3	2	2
Jumlah		19	6968	9	521	1	470	0	12	40	40	14

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (35)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	1	314	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Lundu	0	248	0	3	0	3	0	0	0	0	0
3	Bau	1	178	0	7	0	6	0	0	1	1	0
4	Samarahan	2	568	0	112	0	108	0	4	0	0	0
5	Simunjan	0	62	0	8	0	8	0	0	0	0	0
6	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
7	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
8	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
9	Miri	0	840	0	29	0	23	0	1	5	5	0
10	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
11	Sri Aman	0	54	0	4	0	2	0	1	0	0	0
12	Betong	0	189	0	16	0	16	0	0	0	0	0
13	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
14	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
16	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	0	0	0	1	1	0
29	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>2,866</b>	<b>0</b>	<b>230</b>	<b>0</b>	<b>215</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>23</b>	<b>9,834</b>	<b>9</b>	<b>751</b>	<b>1</b>	<b>685</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>47</b>	<b>47</b>	<b>14</b>
---------------------	-----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **209** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **15 buah hotel** adalah seramai **1,333 orang**. Manakala seramai **25,755 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 10.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (441)	Hock Lee	78
2		Kuching Park	85
3		Hilton	45
4		Harbour View	123
5		Riverside (Astana Wing)	110
6	Miri (540)	Imperial Palace	124
7		Eastwood Valley	87
8		Meritz	206
9		Dynasty	123
10	Bintulu (52)	Wasan Inn	29
11		Motel Kapok	14
12		Faber Inn	9
13	Limbang (168)	Purnama	75
14		Shangshan (Lawas)	65
15		Mandarin (Lawas)	28
16	Sibu (132)	Premier	132
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,333</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **11 lokasi di Kuching (4), Miri (3), Limbang (3), dan Serian (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,727 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 10.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>4</b>	<b>541</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>3</b>	<b>316</b>
3	Sibu	TIADA	175
<b>4</b>	<b>Samarahan</b>	<b>1</b>	<b>122</b>
5	Bintulu	TIADA	115
6	Sarikei	TIADA	109
<b>7</b>	<b>Limbang</b>	<b>3</b>	<b>84</b>
<b>8</b>	<b>Serian</b>	<b>1</b>	<b>65</b>
9	Betong	TIADA	56
10	Kapit	TIADA	51
11	Mukah	TIADA	48
12	Sri Aman	TIADA	45
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,727</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **50 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 10.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	MDSA	8
4	MP Sibu	9
5	MCC	13
6	MD Marudi	5
7	MD Subis	2
8	MD Limbang	2
9	MD Lawas	7
<b>Jumlah</b>		<b>50</b>